

Ruj. Kami : UMP.100-1/3/1 (15)
Tarikh : 17 Mei 2023

Senarai edaran seperti lampiran

YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2023 MENGENAI PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN DAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 9 Tahun 2023 Mengenai Pindaan Skim Perkhidmatan Akauntan Dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional Di Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk makluman YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Puan Yusmaliza Kamela Binti Mohamed Ali (Eksekutif, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar) di talian 09-431 6363 atau melalui emel liza@ump.edu.my.

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin/ Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara ini sangatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(HELMI BIN MOHAMED ISA)

Pengurus
Bahagian Pengurusan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang



PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 9 TAHUN 2023

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN DAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/ PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/ PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP).

1 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan memaklumkan serta melaksanakan keputusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2018 berkenaan keputusan kerajaan tentang Pindaan Skim Perkhidmatan Akauntan dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi memastikan Perkhidmatan Awam berupaya meningkatkan modal insan yang kompeten dan peningkatan keberkesanan skop fungsi dan bidang tugas, skim perkhidmatan Akauntan dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional telah dipinda melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di Bawah Sistem Saraan Malaysia.
- 2.2 Lembaga Pengarah Universiti (LPU) menerusi Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 1 Tahun 2023 telah meluluskan cadangan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2018 berkenaan keputusan kerajaan tentang Pindaan Skim Perkhidmatan Akauntan dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

3 PELAKSANAAN

Dasar ini diterima pakai sepenuhnya di UMP dan pelaksanaannya adalah sepertimana Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2018 yang dilampirkan bersama.

4 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

Tarikh  Mei 2023



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2018

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN
DAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/ PENOLONG
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/ PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Akauntan dan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional (Pem.PLV/PPLV/PLV).

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN

2. Bagi memastikan Perkhidmatan Awam berupaya meningkatkan modal insan yang kompeten dan peningkatan keberkesanan skop fungsi dan bidang tugas, kedua-dua skim perkhidmatan ini telah dipinda melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016. Melalui Pekeliling Perkhidmatan

tersebut, skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV telah diperuntukkan kaedah kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan tertakluk memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan.

3. Sehubungan dengan itu, untuk memperkemaskan urusan perkhidmatan kedua-dua skim perkhidmatan tersebut, Kerajaan telah bersetuju supaya perbekalan kenaikan pangkat skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV sedia ada dipinda dengan tambahan peruntukan kaedah kenaikan pangkat dengan kekosongan jawatan.

4. Perbekalan-perbekalan lain dalam skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV yang sedang berkuat kuasa dikekalkan. Skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

5. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa Pekeliling Perkhidmatan ini.

6. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN URUSAN PERJAWATAN

7. Skim perkhidmatan **Akauntan** dan Pem.PLV/PPLV/PLV mempunyai dua kaedah kenaikan pangkat iaitu dengan kekosongan jawatan atau tanpa kekosongan jawatan tertakluk memenuhi kriteria kecemerlangan (JKC). Oleh itu, kaedah penulisan perjawatan adalah berbeza berbanding skim perkhidmatan yang hanya mempunyai satu kaedah kenaikan pangkat.

Skim Perkhidmatan Akauntan

8. Selain kaedah kenaikan pangkat dengan mengisi kekosongan jawatan hakiki, pegawai dalam skim perkhidmatan Akauntan juga boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan tertakluk memenuhi kriteria kecemerlangan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas jawatan sedia ada yang melaksanakan skop fungsi tugas perkhidmatan Akauntan.

Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional (Pem.PLV/PPLV/PLV)

9. Di samping kenaikan pangkat dengan mengisi kekosongan jawatan hakiki, Penolong Pegawai Latihan Vokasional dan Pegawai Latihan Vokasional juga boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat tanpa kekosongan jawatan tertakluk memenuhi kriteria kecemerlangan atas jawatan yang difleksikan. Penentuan jawatan yang difleksikan ini mestilah dapat menarik dan mengekalkan tenaga pengajar yang berkemahiran serta mempunyai aspek penyeliaan dan hierarki yang minimum.

Penempatan dan Pertukaran

10. Bagi pegawai yang dinaikkan pangkat secara tanpa kekosongan jawatan tertakluk memenuhi kriteria kecemerlangan sama ada secara KUP atau di gred fleksi, pegawai boleh diarah oleh Ketua Perkhidmatan/ Ketua Jabatan untuk mengisi kekosongan jawatan di gred kenaikan pangkat hakiki. Walau bagaimanapun, pegawai yang dinaikkan pangkat secara mengisi kekosongan jawatan hendaklah memenuhi **kriteria kecemerlangan yang ditetapkan di jawatan JKC** sekiranya hendak ditempatkan atau ditukarkan ke jawatan tersebut.

Skop Tugas Tambahan

11. Selaras dengan laluan kenaikan pangkat berasaskan kriteria kecemerlangan, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan skop tugas tambahan yang bersesuaian dengan gred dan skim perkhidmatan pegawai bagi memastikan pegawai yang dinaikkan pangkat melaksanakan tugas tambahan di gred kenaikan pangkat yang baharu.

Perubahan Perjawatan

12. Bagi urusan perjawatan termasuk pewujudan jawatan KUP atau gred fleksi, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pembangunan Organisasi) untuk melaksanakan perubahan perjawatan skim perkhidmatan Akauntan dan Pem.PLV/PPLV/PLV dalam Waran Perjawatan dan Surat Kelulusan Perjawatan sedia ada.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2019**.

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Akauntan dan Pem.PLV/PPLV/PLV yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini dan kaedah pelaksanaan kenaikan pangkat tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan dengan kriteria kecemerlangan yang setara dengan Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi skim perkhidmatan Akauntan seperti di **Lampiran C** dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional seperti di **Lampiran D** adalah dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 Disember 2018

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
AKAUNTAN**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED JAWATAN/GAJI : WA41, WA44, WA47/48, WA51/52, WA53/54
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2019

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
 - (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00); atau
 - (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA).
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA41: RM2,820.00).

[Senarai Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan di perenggan 1(c)(ii) adalah seperti di **Lampiran A1**].

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE
JAWATAN AKAUNTAN
GRED WA47, WA51 ATAU WA53**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Akauntan Gred WA47, WA51 atau WA53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1 dan 2;
 - (b) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli MIA;
 - (c) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan; dan
 - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred WA47: RM5,161.00/

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN**

Gaji permulaan ialah pada Gred WA51: RM5,795.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred WA53: RM6,122.00).

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

TEMPOH PERCUBAAN

LATIHAN

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED WA44**

4. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Akauntan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Akauntan Gred WA41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan
 - (b) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
6. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
7. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
8. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
12. Akauntan Gred WA41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA44 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (d) Ahli MIA; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
GRED WA41 KE GRED WA48
DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED WA48**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED WA52**

13. Akauntan Gred WA41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
 - (e) Ahli MIA; dan
 - (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Akauntan Gred WA41 yang memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA) adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke jawatan Akauntan Gred WA48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Akauntan Gred WA44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA48 yang kosong apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (c) Ahli MIA; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16. Akauntan Gred WA44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
 - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
 - (d) Ahli MIA;
 - (e) memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan; dan
 - (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
17. Akauntan Gred WA47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA52 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;

- (d) Ahli MIA;
- (e) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

18. Akauntan Gred WA47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (e) Ahli MIA;
- (f) memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED WA54**

19. Akauntan Gred WA51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA54 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) Ahli MIA;
- (e) keutamaan diberikan kepada pegawai yang memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan; dan
- (f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

20. Akauntan Gred WA51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Akauntan Gred WA54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
- (d) memenuhi tahap kriteria kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;
- (e) Ahli MIA;
- (f) memperoleh kelayakan Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan; dan
- (g) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

21. Akauntan Gred WA53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Akauntan yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

SENARAI KEAHLIAN BADAN–BADAN IKHTISAS PERAKAUNAN YANG DIKTIRAF OLEH KERAJAAN

- (i) Malaysian Association of Certified Public Accountants;
- (ii) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- (iii) Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- (iv) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- (v) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- (vi) Institute of Chartered Accountants in Australia;
- (vii) Australian Society of Certified Practising Accountants;
- (viii) New Zealand Chartered Accountants;
- (ix) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- (x) Institute of Chartered Accountants of India;
- (xi) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom);

Nota:

Senarai ini seperti yang termaktub dalam Jadual 1, Seksyen 14(1)(b) dan Seksyen 15(b) Akta Akauntan 1967 [Akta 94].

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/
PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **PENDIDIKAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**
GRED JAWATAN/GAJI : **DV19, DV21/22,
DV29/30, DV35/36, DV37/38, DV39/40,
DV41/42, DV43/44, DV47/48, DV51/52, DV53/54**
TARIKH KUAT KUASA : **1 JANUARI 2019**

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV19**

- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,435.12); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,493.24).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29**

- (d) (i) sijil teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

- (ii) sijil kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

(iii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,624.20); atau

(iv) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,699.40); atau

(v) diploma teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,784.80); atau

(vi) diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,860.00).

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41

(e) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang teknologi kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41: RM2,322.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41: RM2,529.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV21

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c), 1(d) dan 1(e) hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV21 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

**SYARAT LANTIKAN TERUS
KE JAWATAN PENOLONG
PEGAWAI LATIHAN
VOKASIONAL GRED DV35, DV37
ATAU DV39**

**SYARAT LANTIKAN TERUS
KE JAWATAN PEGAWAI
LATIHAN VOKASIONAL
GRED DV43, DV47, DV51, DV53**

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

TEMPOH PERCUBAAN

LATIHAN

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(c) dan 2; dan
 - (b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV21: RM2,271.00).
4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV35, DV37 atau DV39 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(d) dan 2; dan
 - (b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV35:RM3,225.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV37: RM3,630.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV39: RM5,015.00).
5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV43, DV47, DV51 atau DV53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- (a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(e) dan 2; dan
 - (b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV43: RM3,608.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV47: RM5,208.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV51: RM5,857.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV53: RM6,179.00).
6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
7. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
8. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

**KEPERLUAN KOMPETENSI
DAN POTENSI**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV22**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV30**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV36**

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV38**

11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
13. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV22 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 atau DV21/22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV30 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d); atau
(ii) lulus peperiksaan kenaikan pangkat;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
15. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV36 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
16. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV36 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
17. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV35/36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV38 yang kosong apabila telah:
 - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV40**

- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

18. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV35/36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV38 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

19. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV37/38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV40 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

20. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV37/38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV40 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV42**

21. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30, DV35/36, DV37/38 dan DV39/40 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV42 yang kosong apabila telah:

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e); atau
(ii) lulus peperiksaan kenaikan pangkat;
- (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV44**

22. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

23. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV48**

24. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV48 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

25. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV52**

26. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV52 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED DV54**

27. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

28. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV54 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

29. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;
 - (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE KUMPULAN PENGURUSAN
TERTINGGI**

30. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/ Penolong Pegawai Latihan Vokasional/ Pegawai Latihan Vokasional yang berkuat kuasa pada 1.7.2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).

LAMPIRAN C

**KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT
TANPA TERTAKLUK KEKOSONGAN JAWATAN
BAGI SKIM PERKHIDMATAN AKAUNTAN**

BAHAGIAN	PENILAIAN	WAJARAN (%)
Bahagian A - Syarat Wajib		
A1	Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (3 tahun terkini)	Minimum 80%
A2	Ahli MIA	WAJIB
A3	Keahlian Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf	WAJIB *Tidak terpakai bagi Gred WA41 ke WA44
A4	Tempoh sandangan gred semasa**	8 tahun (WA41 ke WA44) 8 tahun (WA44 ke WA48) 6 tahun (WA47/48 ke WA52) 3 tahun (WA51/52 ke WA54)
Bahagian B - Penilaian Ketua Jabatan		
B1	Penilaian Tahap Potensi	10%
Bahagian C - Penilaian Kompetensi		
C1	Program Penilaian Kompetensi	70%
C2	Temuduga	20%
JUMLAH		100%

** Tempoh minimum atas gred semasa adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) dari semasa ke semasa.

LAMPIRAN D

**KRITERIA KECEMERLANGAN KENAIKAN PANGKAT
TANPA TERTAKLUK KEKOSONGAN JAWATAN BAGI
SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)
DAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PPLV)
(PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN)**

BAHAGIAN	PENILAIAN	WAJARAN (%)	
Bahagian A - Penilaian Ketua Jabatan			
A1	Markah Laporan Nilain Prestasi Tahunan (3 tahun terkini)	Minimum 80%	
Bahagian B - Penilaian Kriteria Kecemerlangan			
B1	Teras Utama	65%	Minimum 80%
B2	Kepimpinan	15%	
B3	Pembangunan Diri	10%	
B4	Sumbangan	10%	
Bahagian C - Tempoh Minimum Atas Gred Semasa**			
C1	Tempoh Sandangan Gred Semasa Kumpulan Pengurusan & Profesional (PLV)	8 tahun (DV41/42 ke DV44) 8 tahun (DV43/44 ke DV48) 6 tahun (DV47/48 ke DV52) 3 tahun (DV51/52 ke DV54)	
C2	Tempoh Sandangan Gred Semasa Kumpulan Pelaksana (PPLV)	8 tahun (DV29/30 ke DV36) 8 tahun (DV35/36 ke DV38) 5 tahun (DV37/38 ke DV40)	

** Tempoh minimum atas gred semasa adalah tertakluk kepada keputusan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA) dari semasa ke semasa.



SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
LATIHAN VOKASIONAL (PPLV)
DAN
PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)
PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN

GARIS PANDUAN

KENAIKAN PANGKAT
BERASASKAN KRITERIA
KECEMERLANGAN

JAN 2019

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

Isi Kandungan	i
Senarai Jadual	iii
Senarai Ahli Jawatankuasa Penyediaan Garis Panduan	iv
Sekalung Penghargaan.....	vii
1.0 PENDAHULUAN	1
2.0 LATAR BELAKANG	1
2.1 Kategori Skop Tugas.....	2
2.2 Kluster Perjawatan	3
2.3 Pemilihan Kategori Skop Tugas	4
3.0 SYARAT KENAIKAN PANGKAT	4
3.1 Syarat Umum	4
3.2 Syarat Khusus.....	5
4.0 WAJARAN PEMARKAHAN.....	6
5.0 KRITERIA KECEMERLANGAN.....	7
5.1 Aspek Teras Utama	8
5.2 Aspek Kepimpinan	9
5.3 Aspek Pembangunan Diri	10
5.4 Aspek Sumbangan.....	11
5.5 Taburan Markah Kriteria Kecemerlangan Mengikut Gred dan Kategori	11
6.0 PENUBUHAN PANEL/ URUS SETIA/ JAWATANKUASA PENILAIAN	13
7.0 PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT	13
8.0 PROSES PENEMPATAN.....	14
9.0 KENAIKAN PANGKAT BAGI PPLV/PLV YANG SEDANG MENYAMBUNG PENGAJIAN.....	14

10.0 KENAIKAN PANGKAT BAGI PPLV/PLV YANG SEDANG BERKHIDMAT DI JAWATAN TERBUKA	14
11.0 PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN KENAIKAN PANGKAT	15
12.0 RAYUAN KENAIKAN PANGKAT	15
13.0 SYOR	15
14.0 PENUTUP	15
SENARAI RUJUKAN.....	16
SENARAI LAMPIRAN	17
Lampiran 1 – Unsur Penilaian Mengikut Kategori	18
Lampiran 2 – Carta Alir Proses Permohonan Kenaikan Pangkat Melalui Kriteria Kecemerlangan.....	50
Lampiran 3 – Penghuraian Kerja Perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV)/ Pegawai Latihan Vokasional (PLV).....	52
Lampiran 4 – Istilah	66
Lampiran 5 – Nota Penjelasan Lanjut Kepada Calon.....	70
Lampiran 6 – Borang Permohonan & Penilaian Tahap Kecemerlangan PPLV/PLV Kategori I (Mengajar) (Borang 1A & 1B)	73
Lampiran 7 – Borang Permohonan & Penilaian Tahap Kecemerlangan PPLV/PLV Kategori II (Mengajar & Mengurus) (Borang 2A & 2B).....	84
Lampiran 8 – Borang Permohonan & Penilaian Tahap Kecemerlangan PPLV/PLV Kategori III (Mengurus) (Borang 3A & 3B)	97
Lampiran 9 – Skor Penilaian Kriteria Kecemerlangan PPLV/PLV Kategori I, II & III (Lampiran A)	109
Lampiran 10 – Terma Rujukan (TOR) Bagi Pegawai Penilai Dan Calon.....	113

SENARAI JADUAL

Jadual 1 : Tempoh Perkhidmatan Bagi Urusan Kenaikan Pangkat.....	5
Jadual 2 : Wajaran Pemarkahan Untuk Urusan Kenaikan Pangkat	6
Jadual 3 : Skop Penilaian Aspek Teras Utama	8
Jadual 4 : Skop Penilaian Aspek Kepimpinan	9
Jadual 5 : Skop Penilaian Aspek Pembangunan Diri	10
Jadual 6 : Skop Penilaian Aspek Sumbangan.....	11
Jadual 7 : Taburan Markah Keseluruhan Kriteria Kecemerlangan Mengikut Gred Bagi Kategori I, II & III.....	12

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PENYEDIAAN GARIS PANDUAN
KENAIKAN PANGKAT BERASASKAN KRITERIA KECEMERLANGAN
BAGI SKIM PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PPLV)
DAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL (PLV)
PERKHIDMATAN GUNASAMA PERSEKUTUAN**

Penaung

YBrs. Ts. Nidzam bin Kamarulzaman
Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Pengerusi I

YBrs. Tn. Hj. Suimi bin Abd Majid
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Pengerusi II

YBrs. Dr. Mohamad bin Sulaiman
Pengarah CIIAST Shah Alam
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Urus Setia

Pn. Molinda bte Abd Rahman
En. Mohd Nawawi bin Isa
Pn. Susana Ling Hie King
En. Muhamad Ammar bin Kamilin
Pn. Roziyati bte Abdullah
En. Ahmad Fadhil bin Ismail
En. Syarumiefizal bin Baharum

Jawatankuasa Kerja

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

En. Mohd Sukri bin Ismail
YBrs. Dr. Hajah Ruminah binti Muhammad Zain
En. Kamaludin bin Tomiran
En. Mohd Faisal bin Abdul Hamid
En. Ibrahim bin Ahmad
Pn. Fazlina binti Mohamad Razali
En. Mohd Helmi bin Zainal

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan

YBrs. Dr. Ir. Azmi bin Ahmad
Pn. Dalila binti Sharingat
Pn. Zakiah binti Mat Jali
En. Zahari bin Jusoh
En. Eddy Shahrani bin Mohd Saleh

Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia

En. Mat Setia bin Mohd. Raji
YBrs Dr. Hj. Mohd Faizal bin Tokeran
En. Sarman bin Rawan
En. Abd. Halim bin Ali Mohammed
En. Ab Rahman bin Hj Mohd Said
En. Noor Ariffin bin Mohd Ariff@Haris
Tn. Hj. Kamal bin Abu@Ahmad
En. Zamrus bin Abd Karim
Tn. Hj. Rahmad bin Ngah

Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri

En. Mohd Rizal bin Ramly
En. Md Khairulddin bin Md Arifin
En. Mohd Azwan bin Aziz
Pn. Aizan Azarina binti Ibrahim

Jabatan Kebajikan Masyarakat Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Pn. Nor Shahida binti Sahlan
En. Muhammad Akmal bin Abdul Rahim
En. Aminudin bin Ramly

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

En. Yosri bin Mohd

Jabatan Perkhidmatan Awam

En. Syamsul Nizam bin Mohd Razali
En. Khairil Azwan bin Abu Mansor
En. Wan Luqman bin Wan Sulaiman
En. Muhamad Aidil bin Harun
En. Mohd Hisham Shor Anuar bin Zakaria
Pn. Ruhaizah binti Mohamad

Kementerian Sumber Manusia

Pn. Che Puteh binti Zakaria
En. Ahmad Fahmi bin Abdullah Rahim
Pn. Aniza binti Limat
Pn. Norazreen binti Ab Rashid

**Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)
Kementerian Sumber Manusia**

En. Azhari bin Ibrahim
En. Mohd Nor Azlan bin Mohamed Sidek
En. Abdul Hanif bin Ludin
En. Azhar bin Abidin

Persatuan Pegawai-Pegawai Latihan Vokasional Malaysia

En. Mohamad bin Yaacob
En. Kamaruzaman bin Hj Md Ali
En. Mohamad Suhani bin Hussin
En. Mohd Nazir bin Shaari

SEKALUNG PENGHARGAAN

Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia

Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan

Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia

Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri

Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Jabatan Perkhidmatan Awam

Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST), Kementerian Sumber
Manusia

Persatuan Pegawai-Pegawai Latihan Vokasional Malaysia

Bahagian Dasar, Kementerian Sumber Manusia

1.0 PENDAHULUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kaedah pelaksanaan urusan kenaikan pangkat berasaskan kecemerlangan yang melibatkan kemajuan kerjaya seseorang penjawat awam dalam Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (PPLV) dan Pegawai Latihan Vokasional (PLV) Perkhidmatan Gunasama Persekutuan (PGP).

2.0 LATAR BELAKANG

Kerajaan telah melaksanakan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan di bawah Sistem Saraan Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016. Rasionalisasi ini adalah untuk memperkemaskan pengurusan skim perkhidmatan bagi menarik dan mengekal modal insan terbaik, mewujudkan fleksibiliti dalam urusan perkhidmatan, menambah baik mobiliti dan kemajuan kerjaya serta mengemas kini syarat lantikan supaya relevan dengan keperluan semasa.

Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016, Skim Perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Pem PLV), PPLV dan PLV telah diklasifikasikan sebagai Perkhidmatan Pendidikan dengan Gred Jawatan/ Gaji DV19, DV21/22, DV29/30, DV35/36, DV37/38, DV39/40, DV41/42, DV43/44, DV47/48, DV51/52 dan DV53/54.

Antara perbekalan baharu yang diwujudkan ialah peluang kenaikan pangkat bagi pegawai Kumpulan Pelaksana daripada gred DV29/30 ke DV36, DV35/36 ke DV38, DV37/38 ke DV40 dan kenaikan pangkat bagi semua pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional sehingga Gred DV54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai berkenaan perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan termasuk Kriteria Kecemerlangan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

Pertukaran klasifikasi perkhidmatan dan kod gaji dari Kejuruteraan kepada Pendidikan bagi Skim Perkhidmatan Pem. PLV, PPLV dan PLV Perkhidmatan Gunasama Persekutuan (PGP) adalah selaras dengan fungsi dan peranan penting PLV dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) yang menjadi antara bidang fokus Kerajaan.

Kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK) bagi pegawai kumpulan pelaksana yang berada di gred lantikan dan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) masih terpakai dan tertakluk kepada pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

2.1 Kategori Skop Tugas

